

21 APR 1996

Mahathir - Mesyuarat

DR MAHATHIR SAMPAIKAN UCAPAN DASAR PADA MESYUARAT CAPAM

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 22 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan kedua Persatuan Pentadbiran Awam dan Pengurusan Komanwel (CAPAM) hari ini.

Persidangan bertemakan "The New Public Administration: Global Challenges - Local Solutions", akan berkisar kepada elemen-elemen bersama perubahan dalam apa-apa bentuk reformasi institusi membabitkan pertubuhan, rakyat dan teknologi maklumat.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini semalam bagi menghadiri persidangan empat hari itu. Mereka disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Malta, Prof Guido de Marco.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malta, Dr Edward Fenech-Adami.

Yang turut sereta menyertai delegasi ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang juga Naib President CAPAM, Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) Datuk Dr Abdullah Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Wira Mohd Zam Abdul Wahab dan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara Dr Halim Shafie.

CAPAM yang ditubuhkan pada 1994 memusatkan aktivitinya kepada pertukaran maklumat mengenai kesinambungan usaha kerajaan negara-negara Komanwel.

Negara anggota CAPAM ialah Antigua and Barbuda, Australia, Bahamas, Bangladesh, Barbados, Belize, Botswana, Britain, Brunei, Canada, Cyprus, Dominica, Gambia, Ghana, Granada, Guyana, India, Jamaica, Kenya, Kiribati, Lesotho, Malawi, Malaysia, Maldives, Malta dan Mauritius.

Negara lain ialah Namibia, Nauru, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Papua New Guinea, St Kitts and Nevis, St Lucia, St Vincent and the Grenadines, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Kepulauan Solomon, Afrika Selatan, Sri Lanka, Swaziland, Tanzania, Tonga, Trinidad and Tobago and Tuvalu.

Uganda, Vanuatu, Western Samoa, Zambia, Zimbabwe, Anguilla, Bermuda, British Virgin Islands, Cayman Islands, Christmas Island, Cocos Island, Cook Islands, Falkland Islands, Gibraltar, Hong Kong, Monsterrat, Niue, Norfolk Island, Pitcairn Islands, St Helena, Tokelau, dan Turks and Caicos Islands.

CAPAM ditubuhkan bagi mempertingkatkan kerjasama di kalangan negara anggota Komanwel dalam usaha memperbaiki kecekapan pengurusan dan kecemerlangan dalam perkhidmatan kerajaan.

Ia juga bertukar-tukar pengalaman mengenai pembangunan dan inovasi baru dalam kerajaan.

Menurut kenyataan CAPAM yang dikeluarkan di sini, elemen mengenai pertubuhan, rakyat dan teknologi maklumat berkait rapat antara satu sama lain dan kegagalan menangani satu daripadanya boleh menjejaskan usaha ke arah itu.

"Walaupun, cabaran ini konsisten di kebanyakan negara, penyelesaian yang terpakai kadang-kala perlu disesuaikan dengan keadaan setempat," menurut kenyataan itu.

Persidangan akan mengkaji apa yang telah dicapai oleh kebanyakan negara sejak kebelakangan dan pengajaran yang diperolehi.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah akan menghadiri jamuan malam yang diadakan oleh rakan sejawatannya dari Malta di kediaman beliau malam ini.

Dr Mahathir juga akan diwawancara oleh Malta National Televisyen

selepas menyampaikan ucapan dasarnya. Beliau juga akan mengunjungi rakan sejawatannya dari Malta di pejabat beliau.

Dr Mahathir sebelum itu melawat tiga negara Balkan - Croatia, Bosnia dan Macedonia mulai 18 April. Di Croatia, Perdana Menteri merasmikan Pameran Barangan Malaysia 1996 di Ekspo Perdagangan Antarabangsa Zagreb.

Beliau juga menyaksikan upacara pemeteraian sembilan Memorandum Persefahaman dan suratcara perjanjian serta melancarkan Proton Wira Siri 400 bagi pasaran Croatia.

Di Bosnia, Dr Mahathir menemui Presiden Bosnia Alija Izetbegovic. Beliau juga menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum Persefahaman termasuk antara Telekom Malaysia dan Public Enterprise PTT.

Di Skopje, Macedonia, Dr Mahathir menemui Presiden Republik Macedonia Branko Srvenkovski. -- Bernama

SS FAZ